

## **Tarian Limbai: Sebuah Warisan Tradisi Kaum Bajau**

*Limbai Dance: A Legacy of the Bajau Tradition*

**Nur Atirah Binti Hairul Azira<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,  
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

<sup>1</sup>atirahhairul00@gmail.com,

Dihantar:24 Mac 2023 / Diterima:11 Jun 2023 / Terbit:21 Disember 2023

### **Abstrak**

Sabah merupakan salah satu negeri yang mempunyai kepelbagaian etnik yang menarik di Malaysia. Penduduk di Sabah menunjukkan kepelbagaian etnik, bahasa, budaya dan agama yang hebat. Kepelbagaian etnik ini berlaku sejak zaman dahulu lagi seperti Bajau, Kadazan/Dusun, Bisaya, Murut, Rungus dan sebagainya. Dengan kepelbagaian etnik di Sabah, pastinya wujud pelbagai adat, tradisi, budaya serta sejarah-sejarah berkaitan dengan setiap etnik. Seperti etnik-etnik yang lain, etnik Bajau juga mempunyai tradisi yang menarik untuk diketahui. Masyarakat Bajau kaya dengan warisan adat dan tradisi yang masih diamalkan oleh masyarakat kaum Bajau. Oleh itu, artikel ini mendokumentasikan mengenai salah satu tradisi yang sering diamalkan oleh masyarakat kaum Bajau iaitu Tarian Limbai dimana penulisan ini akan mengetengahkan kepentingan Tarian Limbai, meneliti isu dan cabaran dalam pengurusan warisan tarian Limbai serta mengemukakan cadangan dan langkah untuk perlindungan, pemuliharaan dan pemeliharaan warisan ini.

**Kata Kunci:** Tarian Limbai, tradisi Bajau, Bajau Pantai Barat

### **Abstract**

*Sabah is one of the states with interesting ethnic diversity in Malaysia. The people in Sabah show great ethnic, linguistic, cultural and religious diversity. This ethnic diversity has been happening since ancient times such as Bajau, Kadazan/Dusun, Bisaya, Murut, Rungus and so on. With the diversity of ethnicities in Sabah, there are certainly various customs, traditions, cultures and histories related to each ethnicity. Like other ethnicities, Bajau ethnicities also have interesting traditions to know. The Bajau community is rich in traditional heritage and traditions that are still practiced by the Bajau community. Therefore, this article documents one of the traditions that is often practiced by the Bajau people, namely the Limbai Dance, where this writing will highlight the importance of the Limbai Dance, examine the issues and challenges in the management of the Limbai dance heritage as well as put forward suggestions and measures for the protection, conservation and preservation of this heritage.*

**Keywords:** Bajau tradition, Limbai dance, West Coast Bajau

### **Pengenalan**

Negeri Sabah merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia dengan kawasan yang menjangkau 72,500 kilometer persegi terletak di bahagian paling utara Borneo (eBrunei, 2014). Walaupun corak masyarakat di Sabah yang mempunyai pelbagai jenis kaum, bangsa dan agama kepercayaan, namun penduduk di Sabah hidup dalam keadaan yang aman dan harmoni dimana masyarakat di Sabah saling hormat-menghormati adat dan tradisi yang berlainan dan unik mengikut kaum. Masyarakat Bajau ini merupakan kaum kedua terbesar di Sabah selepas Kadazan Dusun. Komuniti kaum Bajau ini terbahagi kepada dua iaitu Bajau Pantai Barat Sabah dan Bajau Pantai Timur (Syamsul, Mohd Anuar, 2017: 73). Penempatan Bajau Pantai Barat adalah di kawasan Kota Belud, Tuaran dan Papar manakala Bajau Pantai Timur pula di kawasan Semporna, Lahad Datu dan Kunak.

Walaupun kedua-dua komuniti tersebut secara tradisinya bergantung kepada laut dimana mereka sering dikaitkan dengan kegiatan atau aktiviti kelautan, tetapi komuniti ini mempunyai perbezaan dari segi bahasa, budaya dan sejarah (Hafzan, 2012: 132-140).

Tradisi bagi setiap kaum merupakan satu warisan yang perlu dipelihara bagi setiap generasi muda. Kepentingan tradisi masih dilihat sebagai sesuatu yang penting dalam usaha untuk mengatasi arus pemodenan dan kemajuan negara kita. Tradisi merupakan warisan yang tergolong dalam warisan budaya tidak ketara dimana warisan ini boleh diturunkan secara turun temurun dan boleh diwarisi dari generasi ke satu generasi (Mohd Yuszaidy, 2018: 143-159). Hal yang demikian kerana tradisi boleh dianggap sebagai satu simbol atau identiti kepada sesuatu kaum. Salah satu tradisi sesuatu kaum yang perlu dipelihara adalah tarian tradisional yang ditarikan oleh satu suku kaum tertentu. Tarian tradisi bagi suku kaum Bajau di Pantai Barat Sabah khususnya di Kota Belud adalah tarian limbai dan tarian runsai. Dalam artikel ini, fokus akan diberikan terhadap salah satu tarian tradisi bagi suku kaum Bajau di Kota Belud iaitu tarian limbai. Tarian limbai adalah tarian yang sering ditarikan semasa majlis perkahwinan sebagai adat dalam perkahwinan orang Bajau di Kota Belud. Tarian ini sering ditarikan sebagai hiburan dalam sesuatu majlis perkahwinan bagi memeriahkan lagi majlis tersebut. Dalam konteks ini, tarian warisan Bajau ini merupakan satu tarian yang penting untuk dipelihara oleh masyarakat dalam memastikan generasi-generasi pada masa akan datang dapat mempraktikkan tradisi tersebut. Oleh itu, artikel ini mengupas tentang tarian tradisi warisan suku kaum Bajau iaitu tarian limbai. Tujuan artikel ini adalah untuk mengangkat tarian limbai yang merupakan tradisi yang wujud dalam kalangan masyarakat di Sabah dan seterusnya mempromosi tarian ini untuk tujuan kelestarian serta memulihara dan memelihara tarian ini agar dapat diwarisi kepada generasi pada masa akan datang.

## **Bajau dan Tarian Limbai**

Orang Bajau dipercayai berasal dari Kepulauan Sulu, khususnya Mindanao dan Basilan. Komuniti ini telah bermigrasi ke Sandakan, Pulau Omadal, Marudu, Inanam, Semporna dan Lahad Datu dimana mereka telah menetap dikawasan-kawasan tersebut (Ranjit Singh, 2000: 14). Orang Bajau ialah penyelam dan nelayan yang tinggal di dalam bot keluarga kecil yang sering bertemu secara berkumpulan. Beberapa kumpulan keluarga ini boleh berkumpul pada satu-satu masa, menghasilkan komuniti lima puluh hingga dua ratus bot keluarga. Suku Bajau terbahagi menjadi dua kelompok iaitu mereka yang tinggal di darat dan mereka yang terus hidup berpindah-pindah dan merantau dengan *Boggo* (sejenis perahu). Kelompok orang Bajau yang hidup nomad ini dikenal sebagai (sea gypsies) atau Pala'u (Asmah, 2016: 33). Di Sabah, orang Bajau telah dibahagikan kepada dua kelompok iaitu Bajau Pantai Barat dan Bajau Pantai Timur. Bajau Pantai Barat ini meliputi kawasan Pantai Barat seperti Tuaran, Kota Kinabalu, Papar dan sebagainya. Bagi Bajau Pantai Timur pula meliputi Sandakan sehingga Tawau. Asal-usul Bajau di Sabah sering dikaitkan dengan kegiatan yang berasaskan kelautan. Walaubagaimanapun, kegiatan berterusan mereka adalah pengumpulan hasil laut. Masyarakat Sama-Bajau di Pantai Timur amat berbeza dengan masyarakat Bajau di Pantai Barat, termasuk masyarakat yang tinggal di daerah Kota Belud dan beberapa wilayah lain di Pantai Barat. Ini kerana pengaruh jiran terdekat mereka, Kadazan Dusun, serta kesesuaian tanah dan iklim di wilayah Pantai Barat, Bajau di Pantai Barat dapat melibatkan diri dalam usaha pertanian lebih awal dan dengan lebih mudah di Pantai Timur (Saidatul, 2012: 90).

Dalam konteks masyarakat Bajau ini, ahli sejarah telah menemui banyak idea sejarah tentang asal usul orang Bajau ke Sabah dimana apa yang jelas adalah orang Bajau bukanlah masyarakat awal yang menetap di Sabah. Hal yang demikian kerana, orang Bajau merupakan kelompok masyarakat yang telah berhijrah ke Sabah sejak dahulu lagi. Sejak tahun 1921, etnik

Bajau merupakan penduduk peribumi kedua terbesar selepas Kadazan Dusun di Sabah:

**Jadual 1: Populasi Penduduk Sabah Tahun 1921-1991**

Kumpulan Etnik						
Tahun	Kadazan-Dusun	Murut	Bajau	Brunei	Suluk	Orang Sungai
1921	99,229	28,400	31,348	8,728	6,637	7,422
1931	102,401	24,444	31,640	10,507	5,766	6,999
1951	117,867	18,724	44,728	22,312	7,866	13,697
1960	145,229	22,138	59,710	23,540	11,080	15,112

**Sumber:** Ranjit Singh (2000: 27).

Pada asalnya masyarakat Bajau adalah pelaut daripada beberapa kumpulan kerabat seperti Iranun, Obian, Binadan, Suluk dan beberapa lagi yang berkongsi budaya dan adat yang sama. Petempatan Bajau Pantai Barat di kawasan perkampungan dan kadang-kadang bercampur dengan orang Ilanun. Sebagai contoh, kawasan Tempasuk sehinggaalah Kota Kinabalu. (Sopher, 1965: hlm 137). Walaupun orang Bajau hidup secara individualistik, tetapi mereka mampu untuk mengekalkan kesepadan sosial dan identiti bersama yang kukuh. Mereka masih berpegang dengan adat-adat dan tradisi yang telah diwariskan secara turun-temurun. Antaranya adalah adat perkahwinan.

Adat perkahwinan yang terdiri daripada upacara unik tetapi penuh makna dan hanya boleh difahami oleh orang yang benar-benar memahami adat 'Sama' adalah antara yang masih kekal dan dipelihara sehingga kini. Bermula dengan upacara 'Tilau-Tilau Idaan' yang seiras dengan upacara merisik yang dilakukan oleh masyarakat Melayu (Utusan Borneo, 1995). Kemudian, upacara seruan iaitu majlis bertunang. Pihak wanita yang akan menganjurkan majlis seruan di rumahnya, di mana tempoh pertunangan dan tarikh perkahwinan dirundingkan. Seterusnya *norong*, mandi *bedak*, nikah dan sanding serta diakhiri dengan *ngando* dan *ngendedede* iaitu upacara membawa pengantin

perempuan ke tempat pihak lelaki (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2022). Pada majlis perkahwinan inilah pelbagai acara yang dipenuhi dengan kebudayaan akan dimulai iaitu dengan persembahan *bertitik*. Terdapat juga acara kebudayaan lain seperti *berunsai*, gesek biola, *rasing*, sepak manggis dan sebagainya. Semasa upacara persandingan ini pengantin lelaki akan dihantar ke rumah pengantin dengan menaiki kuda yang dihias berwarna-warni. Sepanjang perjalanan juga gong akan dimainkan dengan irama “*tegunggu*” yang menambahkan lagi kemeriahinan perjalanan pengantin lelaki (Harian Metro, 1997).



**Foto 1: Suasana persandingan Bajau pengantin lelaki dan perempuan.**



**Foto 2: Tarian Limbai ditarikan untuk menyambut tetamu di majlis perkahwinan.**

Apa yang dilihat menarik, tarian Limbai masih lagi ditarikan semasa majlis perkahwinan berlangsung. Tarian limbai adalah tarian tradisional asli suku kaum Bajau (Tawau Carnival 2007, 2014) Tarian ini biasanya ditarikan semasa majlis perkahwinan berlangsung sebagai tanda keramahan pihak pengantin perempuan dalam menjemput pengantin lelaki untuk masuk ke rumah pengantin perempuan. Sebelum akad nikah, atau majlis perkahwinan, penari akan menari sambil mengiringi pengantin lelaki ke rumah pengantin perempuan dengan muzik dan gerakan yang berirama (Sri Ningsih, 2020: 114). Pergerakan halus pergelangan tangan penari akan menyebabkan selendang mereka bergoyang-goyang sebagai cara menyambut rombongan pengantin lelaki tersebut. Perarakan rombongan pengantin lelaki yang datang akan berhenti seketika lalu tarian ini akan dipersembahkan di hadapan pengantin lelaki sebelum memasuki rumah bagi akad nikah (Rahmah, 2018: 93). Pada awalnya, tarian ini wujud bagi memeriahkan lagi kedatangan tetamu-tetamu yang terhormat tetapi pada masa kini, ia sering digunakan dalam majlis perkahwinan dan majlis-majlis keramaian.



**Foto 3: Tarian Limbai sedang ditarikan**

Sumber: Irene Benggon-Charuruks, Janette Padasian (1992: 65)

Tarian limbai ini dipersembahkan dengan irungan muzik tradisional yang dimainkan oleh pemain yang mahir dalam alat muzik tersebut. Biasanya muzik akan dimainkan oleh seorang pemain Kulintangan, dua orang pemukul tetawak, Gendang dan Bebandil yang dipalu mengikut irama yang telah ditetapkan dalam

persempahan tersebut (Rahmah, 2018: 93). Kumpulan ini digelar sebagai kumpulan bertitik. Bertitik merupakan persempahan tradisional menggunakan peralatan muzik tradisional (Halina, 2012: 79). Penari harus mengikuti rentak muzik yang dimainkan oleh pemain muzik jika rentak muzik berubah menjadi cepat, penari akan mengikuti rentak tersebut. Alat-alat muzik ini biasanya akan dimainkan oleh golongan tua kerana dianggap lebih berpengalaman dalam memainkan alat muzik tradisional. Hal yang demikian kerana mereka biasa dengan setiap gerakan dan pernah mempelajari tarian tersebut. Tarian ini merupakan tarian yang terkenal dengan keayuan dan kelembutannya. Penari dalam tarian limbai ini terdiri daripada pasangan lelaki dan perempuan dimana perempuan yang akan menari mengikut gerakan tarian melambai-lambai tersebut dan diikuti oleh penari lelaki yang melakukan pergerakan seakan-akan memulaskan atau melenggokkan pergelangan tangan mereka (Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara, 2022).



**Foto 4: Gerakan tarian melambai-lambai diikuti oleh penari lelaki.**

Sumber: Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara (2022).



**Foto 5: Pakaian Tradisional Bajau yang dipakai dengan *Sarimpak***

Sumber: Utusan Borneo (2019)

Pakaian yang digunakan oleh penari adalah busana tradisional kaum Bajau dengan *Sarimpak*. Sarimpak adalah hiasan kepala bagi perempuan yang dipakai dengan pakaian tradisional suku kaum Bajau. Sarimpak biasanya dipakai oleh perempuan dalam suku kaum Bajau semasa majlis perkahwinan, persembahan tarian tradisi dan majlis keramaian (Halina, Andreas, Rosmah, 2016: 216).

### **Kepentingan Warisan**

Tarian limbai ini mempunyai taraf nilai estetika dan seni yang tinggi dalam mencerminkan budaya dan cara hidup suku kaum Bajau Pantai Barat atau Bajau di Kota Belud. Keunikannya yang tersendiri membuatkan tarian ini sangat menarik. Kesenian yang ditonjolkan dalam tarian ini menunjukkan ketamadunan sesuatu kaum. Ia membolehkan masyarakat mengajar orang ramai tentang sejarah tradisi mereka dan berkongsi warisan mereka dengan orang lain sekaligus merapatkan hubungan bersama etnik-etnik yang lain. Ini bermaksud, seni tarian tradisi ini juga dapat dijadikan daya tarikan kepada penduduk negara luar dalam mempromosikan pelancongan budaya di negara kita. Apabila dilihat seni tarian ini, penduduk di luar negara akan terpukau dengan keindahan dan keunikan tarian tradisi ini. Perkara ini

sekaligus dapat menunjukkan keunikan Malaysia sebagai sebuah negara yang majmuk dengan kepelbagaian etnik (Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya, 2022).

Dalam konteks ini, tarian Limbai juga mempunyai kepentingan dalam pelancongan yang mana ia dapat menarik minat ramai pelancong tidak kira dari dalam dan luar negara untuk mengunjungi dan menghayatai keunikan warisan budaya masyarakat Bajau ini. Tarian Limbai ini bukan sahaja ditarikan semasa perkahwinan tetapi semasa menyambut tetamu dalam majlis-majlis rasmi. Bukan sahaja di Malaysia, malah di seluruh dunia, pelancongan merupakan salah satu industri yang berkembang pada kadar paling pantas (Zuliskandar, et.al, 2015: 471). Negara Malaysia yang unik, yang merupakan rumah kepada rakyat pelbagai etnik dan latar belakang budaya, sentiasa memanfaatkan sepenuhnya peluang yang diberikan oleh kekayaan warisan semula jadi dan budayanya. Oleh itu, tarian tradisi ini juga mempunyai kepentingan dalam meningkatkan pelancongan warisan budaya di negara kita. Sabah yang terkenal dengan keunikan budaya sudah tentu dapat menarik lebih ramai pelancong untuk melihat warisan budaya kita.

Seterusnya, tarian tradisi ini juga mempunyai nilai-nilai sosial tertentu dimana ia akan membantu dalam mengatur hubungan antara masyarakat. Ia akan menjadi identiti budaya dalam membezakan etnik kita bersama etnik yang lain seperti mencerminkan kepelbagaian perlombagaan etnik negara (Joseph, Imran Syafiq, 2021: 45-46) dan berfungsi dalam meningkatkan semangat bermasyarakat. Dalam pengertian ini, identiti sesebuah negara boleh diperhatikan dalam warisan budaya, seperti tarian tradisional sesuatu kaum di Malaysia. Tambahan pula, tarian tradisional yang banyak mempamerkan perwatakan masyarakat majmuk, khususnya di negara kita yang masyarakatnya terdiri daripada pelbagai kaum. Oleh itu, tarian tradisi ini perlu dipelihara oleh generasi-generasi muda agar tidak ditelan zaman dan tidak hilang pada masa akan datang.

## **Isu Dan Cabaran**

Walaupun tarian limbai merupakan tarian yang mempunyai nilai seni yang tinggi tetapi tarian ini juga menghadapi beberapa isu dan cabaran dalam meniti arus pemodenan kini. Antara isu dan cabaran yang dihadapi dalam pengurusan warisan tradisi tarian limbai ialah perubahan gaya hidup dan kepercayaan akibat proses urbanisasi. Tarian limbai di majlis-majlis keramaian dan majlis perkahwinan bagi suku Kaum Bajau adalah semakin kurang dipersembahkan terutamanya oleh generasi muda. Tarian limbai sering ditarikan semasa majlis perkahwinan tetapi terdapat segelintir generasi muda yang tidak mementingkan tradisi tersebut. Hal yang demikian kerana, perpindahan orang ramai dari luar bandar ke bandar dalam mengubah status kewangan daripada pertanian kepada perkilangan dan perindustrian (Joseph, Imran Syafiq, 2021: 49) telah menyebabkan berlaku perubahan gaya hidup masyarakat dimana seni tradisi budaya mereka semakin menghilang. Proses pembandaran juga telah mempengaruhi perubahan dalam rentak dan gerakan daripada tarian yang asal. Perkara ini telah menyebabkan masyarakat semakin menjauhi cara hidup tradisional.

Selain itu, isu dan cabaran dalam pengurusan warisan tradisi tarian limbai adalah kurang didokumentasikan dan dikaji dalam sebuah penyelidikan. Tarian tradisi ini bukan tidak pernah didokumentasikan tetapi tidak banyak dijalankan. Sebagai contoh, kajian-kajian mengenai tarian limbai, kajian mengenai sejarahnya dan sebagainya. Tarian yang sering didokumentasikan adalah tarian tradisi yang mempunyai pergerakan yang menarik dan terkenal sahaja. Dalam era modenisasi ini, adalah perlu untuk penggalakkan penyelidikan dan dokumentasi mengenai seni-seni budaya dan tradisi yang diwariskan bagi pelbagai etnik. Hal yang demikian kerana, masyarakat di zaman moden ini kurang berminat untuk mengikuti amalan-amalan tradisi yang diamalkan (Cultural Survival, 2019). Bilangan penyelidikan dan dokumentasi mengenai tarian limbai ini dilihat tidak banyak menyebabkan tidak ramai yang tahu mengenai tarian limbai yang merupakan tarian tradisi bagi suku kaum Bajau ini.

Seterusnya, isu dan cabaran yang dihadapi dalam pengurusan warisan tradisi tarian limbai ialah pandangan generasi muda terhadap tarian tradisi termasuklah tarian limbai. Disebabkan peredaran masa dan perubahan gaya hidup yang lebih terpengaruh dengan budaya Barat, anggapan golongan muda terhadap tarian tradisi ini adalah tidak relevan kepada mereka disebabkan lebih tertarik kepada tarian K-pop dan genre yang lain (The Star, 2022). Tarian tradisi ini sering dianggap sebagai tarian yang rendah dan tidak serius berbanding dengan tarian-tarian budaya moden yang terkenal seperti tarian ballet, tarian moden dan kontemporari dan tarian hip hop. Hal ini menyebabkan tarian tradisi termasuklah tarian limbai ini ditelan zaman dan semakin dikenali.

## **Cadangan Dan Langkah**

Langkah-langkah dalam melindungi tarian tradisi yang merupakan kebanggaan suku kaum Bajau ini perlu dilakukan bagi memastikan tarian tradisi ini sentiasa dipelihara walaupun di masa hadapan. Antara cadangan dan langkah untuk perlindungan tarian limbai ialah melakukan pendokumentasian dan penyelidikan mengenai tarian limbai. Dalam konteks ini, institusi penyelidikan dan golongan intelektual yang mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai tarian tradisi ini perlu melakukan dokumentasi dan penyelidikan. Ini bertujuan untuk menyebarluaskan pengetahuan mengenai tarian limbai tidak kira di peringkat akademik maupun awam. Mendokumentasikan budaya tradisi adalah penting bukan sahaja untuk memastikan kesinambungan budaya, tetapi juga untuk memastikan identiti budaya sesuatu etnik itu dikenali dan diterima oleh orang ramai.

Seterusnya, cadangan dan langkah untuk melindungi tarian ini ialah dengan mewartakan tarian limbai dibawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Dalam memastikan tradisi terus diwarisi dan masih kekal menjadi satu simbol kepada etnik, tarian limbai ini perlu diwartakan agar tidak hilang dan lenyap. Dalam konteks ini, Kerajaan Negeri dan pihak yang berkuasa perlu

memainkan peranan dalam mendaftarkan tarian limbai ini dibawah Daftar Warisan Kebangsaan. Di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005, telah dijelaskan bahawa sebarang warisan seperti warisan kebudayaan, objek warisan, dan lain-lain boleh diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan. Akta ini merupakan akta yang memberi peruntukan untuk memelihara dan memulihara warisan kebudayaan sekaligus memberi dasar, kaedah dan peraturan yang berkaitan dengan perlindungan serta pengurusan warisan dimana salah satu peruntukan ialah Daftar Warisan Kebangsaan yang perlu disenaraikan oleh pihak-pihak berkuasa (Mohd Yuszaidi, 2015: 202-223).

Selain itu, pengusaha komersial juga boleh memainkan peranan dalam melindungi tarian tradisi ini. Pengusaha komersial boleh melibatkan diri secara tidak langsung terhadap usaha dalam memelihara dan memulihara warisan yang ditinggalkan. Sebagai contoh, di Sabah Galeri Chanteek telah diwujudkan atas minat pemiliknya dalam memelihara dan mendokumentasikan bahan budaya khususnya busana tradisional etnik-etnik di Sabah sejak tahun 2014 (Saidatul Nornis, 2019: 6-7). Dalam konteks tarian limbai, pengusaha komersial seperti pengusaha hotel boleh membuat pakej perlancongan yang mempunyai aktiviti yang mempersembahkan tarian ini kepada orang ramai. Langkah ini adalah usaha yang baik dalam memastikan tradisi-tradisi yang diwariskan dapat dikekalkan keasliannya dan dapat ditonjolkan kepada orang ramai.

Cadangan dan langkah yang terakhir adalah dalam aspek pemeliharaan tarian limbai iaitu dengan membentuk pelbagai dasar dan institusi kebudayaan bagi mempromosikan budaya dan amalan tradisi ini. Ini kerana warisan budaya tidak ketara ini boleh dijadikan sebagai produk pelancongan warisan. Hal ini sekaligus dapat menyatukan tradisi-tradisi dari kumpulan etnik yang berbeza. Sebagai contoh, dalam mempromosikan seni, tarian dan budaya Orang Asal di Sabah, Budaya Maju iaitu sebuah kumpulan Seni Persembahan telah ditubuhkan oleh salah seorang Kurator di Muzium Negeri Sabah (Yunci, et al., 2022: 31-32). Tarian limbai yang merupakan tarian tradisi suku kaum Bajau ini dapat

dipersembahkan oleh kumpulan Budaya Maju bagi mempromosikan tarian limbai ini semasa persembahan dalam pelbagai program kesenian budaya. Tarian ini juga boleh ditarikan sebagai persembahan kepada pelancong-pelancong yang datang untuk melihat keindahan seni warisan budaya di Sabah. Dalam konteks ini, media massa juga turut memainkan peranan dalam mempromosikan tarian limbai ini.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, tarian limbai bukan sekadar tarian biasa tetapi ia adalah tarian tradisi yang diwariskan dan merupakan kebanggaan suku kaum Bajau. Tarian yang merupakan warisan budaya tidak ketara telah memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat. Kepelbagai etnik di negara kita telah menjadikan setiap etnik mempunyai keistimewaan tersendiri. Dapatlah dilihat bahawa kepentingan warisan ini terdiri daripada mempunyai taraf nilai estetika dan seni yang tinggi dalam mencerminkan budaya dan cara hidup suku kaum Bajau Pantai Barat, kepentingan dalam pelancongan yang mana ia dapat menarik minat ramai pelancong tidak kira dari dalam dan luar negara untuk mengunjungi dan menghayatai keunikan warisan budaya masyarakat Bajau ini serta melambangkan identiti budaya negara kita. Pelbagai isu dan cabaran seperti pemodenan dan urbanisasi, kurang didokumentasikan serta tahap kesedaran generasi muda terhadap kepentingan warisan tradisi yang perlu dihadapi bagi mengelakkan tarian limbai yang diwariskan ini tidak dilupakan. Ini kerana seni tarian bersifat tradisional yang mewakili masyarakat komuniti tempatan seharusnya dilindungi, diwarisi dan dimartabatkan agar tidak hilang ditelan arus kemodenan zaman (Jabatan Warisan Negara, 2021).

Pelbagai langkah dan usaha boleh dilakukan bagi memastikan warisan tradisi ini dapat dilindungi dan dipelihara tanpa mengubah elemen tradisi. Dengan Akta yang telah disediakan dan pendokumentasian yang menggalakkan, sudah pasti tarian-tarian tradisi seperti tarian limbai dapat dilestarikan

dan diiktirafkan sebagai satu simbol dan identiti kepada suku kaum Bajau. Akta yang telah diwujudkan dapat menjamin pengekalan dan pemeliharaan secara perlindungan seperti yang telah ditetapkan dalam undang-undang (Mohd Yuszaidi, 2015: 202-223). Pihak yang berkuasa dan bertanggungjawab dalam pengurusan ini perlulah memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan usaha-usaha yang telah dicadangkan. Selain itu, masyarakat juga perlu mempunyai kesedaran dan prihatin dalam menjaga tarian limbai ini bagi meningkatkan lagi perlindungan ke atas warisan tradisi ini. Oleh itu, semua pihak perlu bekerjasama dalam menyempurnakan dan melaksanakan tindakan-tindakan yang telah dicadangkan bagi melindungi, memelihara dan memulihara tarian limbai ini terutamanya masyarakat yang memiliki tradisi ini iaitu masyarakat yang bersuku kaum Bajau.

## **Senarai Rujukan**

### **Buku dan Jurnal**

- Hafzan Zannie Hamza. 2012. Hybridity in Presentational Dance: The Igal of Bajau Laut in Semporna, Sabah. *Dancing Mosaic: Issues on Dance Hybridity*, 132-140.
- Halina Sendera Mohd Yakin. 2012. Symbolism in the Death Ritual among the Bajaus. In *THE INTERNATIONAL* (Vol. 9, No. 10, p. 71).
- Halina Sendera Mohd. Yakin, Andreas Totu, Rosmah Derak. 2016. Simbol Binatang Ternakan dan Konsep Artifak sebagai Manifestasi Identiti Budaya dan Identifikasi Etnik Peribumi Sabah: Satu Kajian dari Perspektif Komunikasi. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*.
- Irene Benggon-Charuruks, Janette Padasion. 1992. *Cultures, customs, and traditions of Sabah, Malaysia: an introduction*. Kota Kinabalu: Sabah Tourism Promotion Corporation.
- Joseph Gonzales, Imran Syafiq Mohd. Affand. 2021. *Forging Traditional Dance in Malaysia*.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Muammar Ghaddafi Hanafiah. 2015. Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645): Penilaian Dari Aspek Perundangan dan Penguatkuasa. *Jurnal Melayu*, 14(2), 202-223.

- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2018. Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan dan Agensi Pelaksana di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 17(2), 143-159.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2012. *Bajau Pantai Barat*. Kota Kinabalu: ITBM & Penerbit UMS.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2019. Pelestarian dan Pemerksaan Budaya Tempatan Borneo. Dalam. Rosliah Kiting, Minah Sintian (eds.). *Kesusasteraan dan Kebudayaan Borneo*. Tanjung Malim, UPSI: Penerbit Universiti Sultan Idris.
- Singh, R. (2000). *The Making of Sabah, 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*. University of Malaya Press.
- Sopher, D. E. (1965). *The Sea Nomads: A Study Based on the Literature of the Maritime Boat People of Southeast Asia*. National Museum.
- Sri Ningsih Sukirman. 2020. Asal Usul Tarian Tradisional Pelbagai Budaya di Luar dan Di Sabah: The Various Traditional Origins of Cultural Dance Outside and In Sabah. *Jurnal Gendang Alam (GA)*.
- Syamsul Azizul Marinsah, & Mohd Anuar Ramli. 2017. Amalan Tradisi Magombo' Dalam Masyarakat Bajau Di Semporna Sabah: Analisis Dari Perspektif Sosiobudaya Dan Perspektif Hukum Islam. *Borneo Research Journal*, 11, 72-86.
- Yunci CaiYunci Cai, Sarah Thornton, Roslynn Ang, Liana Chua, Susan Page, Caroline Upton. 2022. Peranan Pengetahuan Masyarakat Tempatan Dalam Pemuliharaan Alam Sekitar Dan Warisan. University of Leicester. *Report*. <https://doi.org/10.25392/leicester.data.19448402.v1>
- Zuliskandar Ramli, Mazlin Mokhtar, Muhammad Rizal Razman, and Sharifah Zarina Syed Zakaria. 2015. Pelancongan berdasarkan warisan di Malaysia: potensi dan cabaran. In *Prosiding Seminar Antarabangsa Ke8: Ekologi, Habitat Manusia dan Perubahan Persekutaran, Langkawi, Kedah*.

## **Internet**

- Cultural Survival. 9 September 2019. *Loss of Traditional Knowledge Is Due to Lack of Documentation*. Diambil daripada <https://www.culturalsurvival.org/publications/cultural-survival-quarterly/loss-traditional-knowledge-due-lack-documentation>. Diakses pada 20 November 2022.
- eBorneo DBP. 2014. *Sabah*. Diambil daripada <http://eborneo.dbp.gov.my/sabah.html>. Diakses pada 20 November 2022.

- Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara. 2022. *Pemetaan Budaya*. Diambil daripada <https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/culture/dis/341>. Diakses pada 21 November 2022.
- Jabatan Warisan Negara. 2021. *Tarian*. Diambil daripada <https://www.heritage.gov.my/tarian.html>. Diakses pada 21 November 2022.
- ETawau. 2014. *Tawau Cultural Carnival*. Diambil daripada <https://www.etawau.com/People/TawauCulturalCarnival.htm>. Diakses pada 20 November 2022.

The Star. 2022. *Can you name some of Malaysia's most popular traditional dances?* Diambil daripada, <https://www.thestar.com.my/lifestyle/travel/2022/07/23/can-you-name-some-of-malaysia039s-most-popular-traditional-dances>. Diakses pada 21 November 2022.

Utusan Borneo Online. 2019. *Tugu Budaya Identiti Bangsa*. <https://www.utusanborneo.com.my/2019/07/21/tugu-budaya-identiti-bangsa>. Diakses pada 23 November 2022.

### **Akhbar**

Normah Bitong. (1997, December 5). Adat Upacara Perkahwinan Masyarakat Bajau. *Harian Metro*.

Samrah Awang Damit. (1995, March 15). Keunikan Perkahwinan Bajau Kota Belud. *Utusan Borneo*.

### **Tesis**

Rahmah Abdul Ghani. 2018. Mantera dan amalan kecantikan wanita Bajau: Kajian kes Bajau Kota Belud. (*Doctoral dissertation*), University of Malaya.